

Pak Lah anggap Bajet 2003 fantastik

BM 2 1 SEP 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Bajet 2003 yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, sebagai 'fantastik' kerana memberi pulangan kepada kerajaan tanpa membebankan rakyat.

"Ini adalah bajet yang fantastik kerana tidak banyak kenaikan cukai sebab kaedah kutipan cukai cukup berkesan bagi memastikan kerajaan mempunyai pulangan yang memadai," katanya kepada kepada pemberita di Parlimen di sini, petang ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jika kerajaan dapat memperbaiki mekanisme pungutan cukai, lebih banyak pendapatan negara dapat diperoleh melalui cara itu.

"Bagaimanapun, jika rakyat tidak mempunyai wang dan kerajaan masih mengenakan cukai, ia tidak mungkin dapat dikutip," katanya.

Sehubungan itu, beliau memuji Kastam Diraja Malaysia

yang begitu cekap sehingga hasil cukai yang dikutip memadai untuk membiayai semua yang dijanjikan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah mengenakan cukai keterlaluan semata-mata bagi mengimbangi perbelanjaan negara, sebaliknya kaedah kutipan dikemas kini bagi memastikan pulangan maksimum.

Malah, katanya, sejak dua tahun lalu kerajaan berjaya membuktikan kecekapan mengurus kutipan cukai.

Mengulas keputusan kerajaan untuk menghapuskan pembayaran untuk memohon kad pelbagai guna (MyKad), Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Kesediaan kerajaan mengeluarkan MyKad, yang berharga RM32 setiap satu, secara percuma kepada rakyat juga membuktikan keprihatinannya untuk tidak membebankan rakyat."

Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2003 berkata, penggunaan MyKad sebagai



kad pintar pelbagai guna diperluaskan sebagai maklumat aplikasi awam yang diperlukan untuk berurusan dengan agensi kerajaan.

Penggunaan MyKad meliputi aplikasi ATM, MEPS serta Touch'n Go dan kerajaan bercadang untuk memasukkan maklumat tambahan, antaranya status perkahwinan dan maklumat mengenai kawasan mengundi.